

Nama Suratkhobar : Berita Harian (Segmen Nasional)

Tarikh: 3 Februari 2016 (Rabu)

Mukasurat: 11

BH (Rabu) 3/2/16: ms 11 (Nasional)

Sasar IKBN guna 50 peratus bahasa Inggeris

Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan menyasarkan 50 peratus daripada proses pengajaran dan pembelajaran di semua Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), menggunakan bahasa Inggeris dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menterinya, Khairy Jamaluddin, berkata kementerian melihat penguasaan bahasa terbabit penting bagi memperkasakan kebolehpasaran graduan kerana ilmu berkaitan kejuruteraan dan mekanikal juga bersumberkan luar negara.

“Bagaimanapun, sasaran itu memerlukan kerja keras semua pihak dari pelbagai peringkat. Saya ingin melihat paling kurang 50 peratus kursus di IKBN menggunakan bahasa Inggeris dalam tempoh lima tahun akan datang, namun banyak perkara perlu dipertingkatkan bagi mencapai sasaran itu,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas majlis tamat latihan FUSO MBM-IKBN membabitkan 11 graduan IKBN berusia antara 19

“
Saya ingin melihat paling kurang 50 peratus kursus di IKBN menggunakan bahasa Inggeris dalam tempoh lima tahun akan datang”

Khairy Jamaluddin,
Menteri Belia dan Sukan

hingga 25 tahun yang menjalani latihan tiga bulan di Pusat Latihan Perantis MBM-FUSO di Shah Alam dan turut ditawarkan bekerja di Pusat Servis MBM FUSO.

Boleh dikuasai

Khairy berkata, kejayaan 11 graduan IKBN itu yang dapat menguasai bahasa Inggeris dalam tempoh tiga bulan ketika latihan di FUSO Mercedes Benz Malaysia (MBM), membuktikan bahasa antarabangsa berkenaan boleh dikuasai dengan kesungguhan pe-

lajar dan tenaga pengajar.

Mengenai kerjasama IKBN dengan sektor lain, beliau berkata, kerjasama sedemikian sudah dijalin dengan 20 syarikat dalam pelbagai sektor dan ia akan diperluaskan lagi dengan tambahan lima syarikat antarabangsa.

“Kita bukan saja bekerjasama dengan MBM, tapi banyak lagi syarikat seperti PERODUA, Tan Chong Motor Holdings Bhd dan Samsung yang memberi kelebihan kepada graduan dalam mengejar karier mereka,” katanya.